

Musa: Pindaan Kanun Tanah ikut pembangunan

KUALA LUMPUR, Rabu — Segala pindaan ke atas Kanun Tanah Negara akan berdasarkan pembangunan, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, di sini semalam.

Katanya, satu jawatankuasa dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, sedang mengkaji segala aspek mengenai tanah untuk menentukan permintaan hari ini dan masa depan.

Selepas mempekerusikan mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) di Bangunan Parlimen di sini, Datuk Musa berkata, kebanyakan pindaan itu berdasarkan pembangunan dan bukannya prosidur.

Umpamanya, MTN dalam sidanganya, bersetuju menyokong pindaan Jadual 5 Kanun Tanah Negara, yang membolehkan pemegang gadai Tanah Rezab Melayu menandatangani perjanjian gadai tanah itu tanpa kehadiran Pemungut Hasil Tanah.

Katanya, ini menyenangkan masyarakat Melayu menjadikan Tanah Simpanan Melayu mereka sebagai cagaran untuk sesuatu pinjaman demi kepentingan perniagaan dan sebagainya.

Selanjutnya, Datuk Musa berkata, MTN juga menerima beberapa perkara lain berkenaan tanah.

Umpamanya, MTN menyetujui peserta skim tanah berkelompok, boleh secara sukarela menyerahkan kembali hakmilik tanah mereka kepada pihak berkuasa negeri.

Majlis itu juga menyetujui agar pihak berkuasa negeri, selepas berunding dengan Menteri bertanggungjawab mengenai tanah, mengisytiharkan sebarang tanah di bawah penempatan berkelompok, boleh digunakan untuk berbagai tujuan lain.

Di bawah peruntukan sekarang, segala tanah di bawah Akta Penempatan Berkelompok hanya boleh digunakan untuk pertanian dan kawasan bandar termasuk perumahan, perdagangan dan perindustrian.

Tanah itu tidak boleh dijual kepada orang lain, dibahagi atau pun dipecahkan. Contoh tanah sedemikian seluas 364 ekar terdapat di Sungai Midah, Cheras, dan lima rancangan tanah di Trengganu dan Perak.

Tiada peruntukan dalam aka itu sekarang yang membolehkan pertukaransyarat walaupun tanah itu boleh digunakan untuk maksud pertanian dan lainnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia